



# 6 HARI 4 MALAM GUILIN + YANGSHUO + GUANGZHOU

Guilin - Li River - Crown Cave - Yangshuo - Shangri-La - Guangzhou

### HARGA FIESTA

ALL-IN  
RM **2,390**

### WARGA EMAS

ALL-IN  
RM **2,350**



12 Sep | 5, 12 Dis 2019

*AirAsia*

KATEGORI HARGA	BILIK BERDUA	BILIK SEORANG	KANAK-KANAK BILIK BERDUA	KANAK-KANAK BERKATIL	KANAK-KANAK TANPA KATIL
NORMAL	RM 2,690	RM 3,090	RM 2,690	RM 2,490	RM 2,390
Warga Emas	RM 2,590	RM 2,990			
FIESTA	RM 2,390	RM 2,790	RM 2,390	RM 2,190	RM 2,090
Warga Emas	RM 2,350	RM 2,750			

HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
01	AK 156	K. LUMPUR - GUILIN	0605	1005
05	AK 117	GUANGZHOU - K. LUMPUR	2220	0205+1



### MUSIM

Musim Bunga Mac - Mei  
Musim Panas Jun - Ogos  
Musim Luruh September - November  
Musim Sejuk Disember - Februari



### MATAWANG

Chinese Yuan 1CNY = RM0.61



### PERBEZAAN WAKTU

Guilin : Tiada perbezaan waktu



### HOTEL PENGINAPAN

Destinasi	Bil. Malam	Hotel
GUILIN	2	Hotel Universal Guilin / setaraf
YANGSHOU	1	Days Hotel Frontier Yangshuo / setaraf
GUANGZHOU	1	Royal Tulip Luxury / setaraf

### HARI 1

#### KUALA LUMPUR - GUILIN



Peserta akan berkumpul di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) bagi penerbangan ke Guilin. Setelah di Lapangan Terbang Antarabangsa Liangjiang Guilin, peserta akan bertemu dengan pemandu pelancong kami. Makan tengah hari di restoran tempatan. Kemudian, di bawa ke **Chongshan Mosque** untuk menunaikan solat. Selepas makan malam di restoran tempatan, tetamu akan di bawa membeli belah di **Zhengyang Shopping Street** salah satu tarikan beli-belah yang pertama di Guilin yang menjual pelbagai barangan China seperti pakaian, kasut, beg dan macam-macam lagi. Daftar masuk hotel dan bermalam di Guilin.

### HARI 2

#### GUILIN



Sarapan pagi di restoran. Seterusnya tetamu akan dibawa melawat ke **Crown Cave** iaitu sebuah gua batu kapur semulajadi yang amat unik bentuk semulajadinya, tambah menarik bila dilimpahi dengan lampu berwarna-warni dan terletak di sebuah bukit berbentuk seperti mahkota. Tetamu akan dibawa untuk makan tengah hari di restoran dan solat di **Qian Jing Mosque**. Kemudian dibawa untuk membeli-belah di **Silk Market** yang amat terkenal sebagai kawasan mencari barangan fabrik terutamanya sutera. Seterusnya melawat ke **Elephant Trunk Hill** yang merupakan mercu tanda dan simbolik kepada bandar Guilin. Bentuk bulat di bawah belalai gajah itu dikenali sebagai **Water-Moon Cave** kerana pada waktu malam, bayangan bulan dapat dilihat pada lengkungan batu dan nampak seakan-akan terapung di atas air. Hanya terletak di pertemuan Sungai Taohua dan Sungai Lijiang. Makan tengah hari di restoran dan seterusnya melawat sekitar **Rong Shan Lakes**. Di sini peserta akan dapat melihat keindahan **Sun & Moon Pagoda, Nine Turning Bridge** dan **Ancient South City Gate**. Sememangnya cukup menakjubkan mata memandangi. Tetamu

kemudiannya dibawa membeli belah di **Baoshutang**. Makan malam di restoran dan kembali ke hotel.

### HARI 3

#### GUILIN - YANGSHUO



Sarapan pagi di restoran dan bertolak ke **Yangshuo** untuk melawat **Shangri-la Park** yang merupakan sebuah kawasan semula jadi yang sangat indah sambil menikmati pemandangan yang berlatar belakang gunung-ganang, gua, dan sungai. Makan tengah hari di restoran. Selain itu, tetamu juga dapat berjalan-jalan di sekitar bangunan-bangunan tradisional dan melihat beberapa penduduk tempatan membuat kraf tangan dan bermain alat muzik. Makan malam di restoran dan kemudiannya peserta akan dibawa ke **Yangshuo West Street** yang juga dikenali sebagai "Global Village", merupakan jalan tertua di Yangshuo yang mempunyai sejarah lebih daripada 1400 tahun. Pelbagai barangan ada di sini seperti baju, kasut, cenderahati dan sebagainya. Pulang semula ke hotel.

### HARI 4

#### YANGSHUO - GUANGZHOU



Bersarapan pagi di restoran. Bertolak ke Stesen Keretapi Yangshuo untuk menaiki keretapi laju **Bullet Train** ke bandar Guangzhou. Setelah di **Guangzhou**, peserta akan dibawa untuk makan tengah hari di restoran, solat di **Saad Bin Abi Waqqas Mosque** atau dikenali sebagai Masjid Besar Kanton dan ianya telah dibina sejak tahun 1300 dahulu. Kemudian peserta akan di bawa untuk membeli belah di **Beijing Road Shopping Street** yang merupakan pusat membeli-belah yang paling popular dan murah. Makan malam di restoran dan daftar masuk hotel.

### HARI 5

#### GUANGZHOU - KUALA LUMPUR



Sarapan pagi di restoran. Memulakan lawatan dengan melawat **Yuexiu Park** yang merupakan satu taman terbesar di bandar Guangzhou dan terdiri daripada tiga tasik buatan dan tujuh bukit di Yuexiu Mountain. Taman ini merupakan satu daripada lapan tarikan baru di Guangzhou dan tarikan utama di taman ini ialah **Five Rams Stone Sculpture** yang menjadi mercu tanda kota Guangzhou. Kemudian berhenti foto di **Canton Tower** yang merupakan menara TV yang tertinggi di dunia seterusnya melawat di sekitar **Flower City Square** yang merupakan kawasan taman bunga yang amat luas dan lebih beratus pokok-pokok besar ditanam di sekitarnya. Peserta akan di bawa solat di **Huaisheng Mosque**. Seterusnya di bawa membeli-belah di **Haiyin Fabric Market** dan **Elektronik Market** sebelum bertolak ke Lapangan Terbang Antarabangsa Guangzhou Baiyun untuk menaiki pesawat pulang ke Kuala Lumpur.

### HARI 6

#### GUANGZHOU - KUALA LUMPUR

Tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

### Pakej Termasuk

- Tiket penerbangan pergi balik kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Hotel penginapan 5 malam di hotel 4\* dengan sarapan (rujuk senarai hotel yang ditawarkan)
- Tiket masuk ke tempat lawatan: Shangri-la, Crown Cave dan Elephant Trunk Hill.
- Makanan sesuai Muslim seperti yang terdapat di dalam aturcara.
- Urusan visa memasuki China.
- Perkhidmatan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan pemandu pelancong berbahasa Inggeris yang berpengalaman sepanjang lawatan.
- Tip kepada pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.
- Diiringi ketua rombongan yang terlatih professional dari Wan Vacation Sdn. Bhd.
- Elaun bagasi (check-in) 20kg dan bagasi kabin 7kg.

### Pakej Tidak Termasuk

- Insurans kembara (travel insurance) - sila hubungi kami bagi khidmat nasihat dan pembelian premium insurans kembara yang sesuai.
- Servis tambahan di hotel seperti dobi, snek dan mini bar dan perkhidmatan porter sekiranya tidak disediakan.
- Makan minum, tiket lawatan dan lawatan lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara.
- Bayaran tambahan bagi lebihan had bagasi yang dibawa.
- Perkara lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara dan pakej termasuk.

